JUZU' KE-30

SURAH AL-HUMAZAH

SURAH KE

104

سُورَةُ الهُمَزَةِ

SURAH AL-HUMAZAH

Surah Pengumpat Dan Pencaci

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

9

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَيۡلٞ لِّكُلِّ هُمَزَةٖ لُّمَزَةٍ ١

ٱلَّذِي جَمَعَ مَالٗا وَعَدَّدَهُۥ ٢

يَحۡسَبُ أَنَّ مَالَهُۥٓ أَخۡلَدَهُۥ ٣

كَلَّاۖ لَيُنۢبَذَنَّ فِي ٱلۡحُطَمَةِ ٤

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡحُطَمَةُ ٥

نَارُ ٱللَّهِ ٱلۡمُوقَدَةُ ٦

ٱلَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى ٱلۡأَفۡـِٔدَةِ ٧

إِنَّهَا عَلَيۡهِم مُّؤۡصَدَةٞ ٨ فِي عَمَدٖ مُّمَدَّدَةِۭ ٩

"Kecelakaan untuk setiap pengumpat dan pencaci(1). Yang giat mengumpul harta dan menghitungkan jumlahnya(2). Ia menyangka harta kekayaan dapat mengekalkannya(3). Tidak sekali-kali begitu, bahkan ia akan dilontarkan ke dalam Neraka Hutamah(4). Dan tahukah engkau, apakah Neraka Hutamah itu? (5). Itulah api Allah yang dinyalakan berkobar-kobar(6). Yang menjulang ke atas hati-hati (penghuninya)(7). Sesungguhnya (api) Neraka itu ditutupkan ke atas mereka(8). Sedangkan mereka terikat pada tiang-tiang yang panjang."(9).

Kekayaan Menjadikan Jiwa Manusia Angkuh

Surah ini menayangkan satu gambaran yang berlaku dalam kehidupan da'wah dalam peringkat perkembangannya yang pertama. Di samping itu, gambaran ini juga merupakan satu contoh yang berulang-ulang dalam setiap masyarakat, iaitu gambaran manusia hina yang berjiwa kecil, yang dikurniakan harta kekayaan, lalu seluruh jiwanya terkongkong kepada kekayaan itu. Ia merasa harta kekayaan itulah nilai tertinggi dalam kehidupan, iaitu nilai yang menjadikan seluruh nilai dan seluruh kedudukan yang lain termasuk kedudukan-kedudukan manusia, konsep-konsep dan hakikat-hakikat kelihatan kecil dan, rendah belaka di hadapannya. Ia merasa selama ia telah memiliki harta kekayaan bererti ia telah memiliki segala kehormatan manusia dan kedudukan mereka tanpa terkira. Ia mengira harta kekayaan itulah tuhan yang berkuasa yang boleh membuat segala apa sahaja sehingga berkuasa menolak maut, mengekalkan hidupnya, menolak qadha' Allah, Hisab-Nya dan Balasan-Nya jika dalam fikirannya pernah terlintas adanya persoalan Hisab dan Balasan Allah, kerana itu ia tergila-gila mengumpulkan harta kekayaan dan merasa begitu lazat menghitung-hitungkan jumlahnya, dan terbongkaslah dalam hatinya keinginan-keinginan yang jahat iaitu keinginan memandang rendah dan hina terhadap segala kehormatan dan kedudukan manusia yang lain dan menjadikan mereka sasaran umpat cela dan caci-makinya. Ia menghina dan mengejek mereka dengan lidahnya, dengan gerak-gerinya sama ada dengan mengajuk gerak-geri dan suara mereka atau memperkecilkan sifat-sifat mereka dengan kata-kata dan isyarat, juga dengan kenyitan mata, palingan muka dan gerakan yang menghinakan.

Inilah gambaran jiwa manusia yang hina yang tandus dari maruah dan iman. Sebagai agama yang memperjuangkan akhlak yang luhur, Islam bencikan gambaran jiwa yang rendah itu, kerana itu ia melarang perbuatan ejek-mengejek dan hina-menghina di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an, tetapi dalam surah ini perbuatan itu disebut dengan celaan yang teruk dan diancam dengan balasan-balasan yang dahsyat, dan ini menyarankan bahawa perbuatan ini benar-benar dilakukan oleh setengah-setengah kaum Musyrikin terhadap Nabi s.a.w. dan terhadap orang-orang yang beriman, kerana itu Allah menjawab perbuatan mereka dalam bentuk herdikan, bentakan dan ancaman yang menakutkan. Beberapa riwayat menentukan tokoh-tokoh tertentu, tetapi riwayat-riwayat itu tidak kuat, oleh sebab itu kami hanya berpada dengan penjelasan yang telah kami hidangkan itu.

* * * * * *

Ancaman itu datang dalam bentuk menayangkan satu pandangan di Hari Qiamat yang menggambarkan keseksaan atau keazaban fizikal dan jiwa, juga menggambarkan kedahsyatan Neraka dari segi fizikal dan niskala. Di sini dapat diperhatikan adanya persesuaian di antara kesalahan dengan cara keseksaan dan dengan suasana balasan. Gambaran si pengumpat dan pencaci yang sentiasa mengejek-ngejek, mencaci dan mempersenda-sendakan

manusia dan kehormatan mereka, juga sentiasa asyik mengumpul harta kekayaan dan merasakannya dapat menjaminkan hidup kekal, gambaran manusia yang angkuh, yang bertabi'at pengejek, pencaci dan merasa kuat dengan harta kekayaan ini, dipadankan dengan gambaran manusia yang terbuang dan terhumban ke dalam. Neraka Hutamah yang menghancurleburkan segala sesuatu termasuk kesombongan dan ketakburan.

Sifat Neraka Hutamah

"Itulah api Allah yang dinyalakan berkobar-kobar."(6)

Api Neraka Hutamah itu secara khusus dihubungkan dengan api Allah. Ini menyarankan bahawa api itu api istimewa bukannya api Neraka biasa. Ia disalutkan dengan sifat yang dahsyat dan ngeri, iaitu:

ٱلَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى ٱلۡأَفۡـِٔدَةِ ﴿٧﴾

"Yang menjulang ke atas hati-hati (penghuninya).(7)

Satu gambaran yang mengerikan bagaimana api itu membakar hati yang menjadi sumber yang melahirkan umpat keji dan menjadi sarang perasaan suka menyenda, sombong dan takbur itu untuk menyempurnakan gambaran keazaban manusia yang terbuang itu, api Neraka itu ditutupkan pula ke atasnya, tiada siapa yang dapat menyelamatkannya dan tiada siapa yang datang menanyakan halnya, dan di sana ia diikat dan ditambat pula pada tiang-tiang yang panjang seperti binatang tanpa sebarang kehormatan.

Dalam kata-kata:

عدّده ، كلاّ ، لينبذنّ ، تطّلع ، ممدّدة

terdapat nada-nada yang menggerunkan dan di dalam makna-makna ungkapan-ungkapan:

لينبذن في الحطمة ، وما أدراك ما الحطمة ، نار الله الموقدة..

terdapat penekanan dan penegasan yang disampaikan dengan berbagai-bagai bentuk penegasan. Mula-mula dikemukakan keterangan secara umum, kemudian disoal kembali, kemudian barulah diberi jawapan dan penjelasan. Semuanya merupakan cara-cara penegasan dan penekanan. Dalam ungkapan-ungkapan:

ويل ، لينبذن ، الحطمة ، نار الله الموقدة ، التي تطلع على الأفئدة ، إنها عليهم مؤصدة ، في عمد ممددة

terdapat ancaman. Semua-nya merupakan sejenis keselarasan ilustrasi dan gambaran perasaan yang sesuai dengan perbuatan para pengumpat dan pencaci itu.

* * * * * *

Tujuan-tujuan Pokok Surah Ini

Al-Qur'an sentiasa mengikuti dan memimpin perkembangan-perkembangan da'wah, dan Al-Qur'an merupakan senjata yang paling tajam dan hebat yang menghancurkan segala tipu daya perancang-perancang kejahatan dan menggegarkan hati musuh da'wah, di samping memberi ketenangan dan ketenteraman kepada orang-orang Mu'min.

Kita dapat melihat dua maksud yang besar dari keperhatian Allah S.W.T. mengulas gambaran jiwa ini:

Pertama: Mencela keruntuhan akhlak dan kerendahan jiwa manusia yang seperti ini.

Kedua: Menghiburkan hati orang-orang Mu'min dan menjaga jiwa mereka dari diresapi perasaan rendah diri kerana dihina, dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa memerhati, memandang keji dan membalas segala perbuatan jahat yang dilakukan kepada mereka. Dan kenyataan ini sudah cukup untuk menaikkan semangat mereka dan meninggikan jiwa mereka dalam menghadapi tindak-tanduk yang jahat dan keji itu.

* * * * * *